DASAR INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

- Majlis Daerah Cameron Highlands komited untuk melaksanakan tugas dan menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat dengan jujur, amanah, telus, adil dan bertanggungjawab serta mematuhi undang – undang, peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.
- MDCH tidak berkompromi terhadap rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan konflik kepentingan serta sentiasa berusaha memperkukuh integriti dan tadbir urus yang baik dalam semua urusan dan operasi jabatan.
- Pelaksanaan polisi ini diterjemahkan melalui garis panduan dan polisi yang dibangunkan seperti Pelan OACP, Pelan Risiko Rasuah (CRM), Polisi Antirasuah, Polisi Hadiah dan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat dan ianya selaras dengan hala tuju visi dan misi serta moto Majlis Daerah Cameron Highlands.
- Warga Majlis Daerah Cameron Highlands berikrar untuk menjalankan tugas dengan penuh amanah dan mendahului kepentingan awam daripada kepentingan peribadi. Kegagalan warga Majlis Daerah Cameron Highlands menghayati dan mematuhi polisi ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil selaras dengan Kaedah – Kaedah Pegawai Majlis Daerah Cameron Highlands (Kelakuan dan Tatatertib) 2002.